

**Forum Ekonomi Astana Bincang Perkembangan Modal Kewangan  
Bernama  
23 Mei, 2012  
Daripada P. Santhia Thevi**

ASTANA (Kazakhstan), 23 Mei (Bernama) -- Forum Ekonomi Astana (AEF) Kelima yang sedang berlangsung di ibu kota Kazakhstan ini sejak semalam, telah menghimpunkan 6,500 anggota perwakilan untuk membincangkan perkembangan modal kewangan dan cabaran-cabaran dunia semasa.

Pakar-pakar ekonomi, ahli akademik, pemimpin perniagaan dan menteri-menteri kerajaan dari 85 negara, termasuk Malaysia, menghadiri forum ini yang dirasmikan hari ini oleh Presiden Kazakhstan, Nursultan Nazarbayev.

Menteri Pelancongan Datuk Seri Ng Yen Yen, mengetuai perwakilan Malaysia ke forum itu.

Perwakilan ini termasuk Datuk Dr Sharifah Zarah Syed Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi; dan pegawai-pegawai kanan dari syarikat gabungan baharu, SapuraKencana.

Sebelum upacara pembukaan itu, Ng mengadakan rundingan dua hala mengenai kerjasama dalam industri pelancongan termasuk pembangunan kemahiran dan pembukaan pusat pelancongan Malaysia di Kazakhstan.

Sebanyak 50 acara berlainan, satu forum mengenai sumber tenaga alternatif dan perbincangan terbuka mengenai perkara-perkara yang berkaitan juga dirancang bagi masa terluang semasa berlangsungnya forum tiga hari itu.

Pegawai-pegawai kerajaan Kazakhstan juga menggunakan AEF untuk menarik minat tokoh-tokoh bank pelaburan global untuk menswastakan beberapa syarikat nasionalnya yang ternama.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=668122>